

Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid di Malaysia

(*Localizing Governance of Zakat Management: The Role of Mosque in Malaysia*)

HAIRUNNIZAM WAHID*, SANEP AHMAD & RADIAH ABDUL KADER

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji kemungkinan melokalisasikan urus tadbir pengagihan zakat sebagai penyelesaian alternatif kepada masalah pengagihan zakat di Malaysia dan seterusnya meneliti peranan institusi masjid untuk melaksanakannya. Kaedah lokalisasi melibatkan proses desentralisasi kuasa memungut dan mengagih zakat dan menyerahkan tugas memungut zakat kepada amil dan kakitangan institusi zakat di sesuatu mukim untuk diagihkan kepada asnaf di mukim tersebut. Namun begitu kejayaan perlaksanaan konsep lokalisasi perlu ditinjau dari sudut peranan institusi masjid sebagai institusi Islam yang paling hampir dengan masyarakat Islam setempat. Beberapa pembolehubah diuji menganalisis persepsi amil dan penerima zakat terhadap institusi masjid, terutamanya dalam memartabatkan peranan institusi masjid dari sudut pengurusan zakat. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara peranan masjid dengan cadangan lokalisasi pengagihan zakat, dan pengaruh peranan masjid terhadap cadangan lokalisasi adalah sangat ketara dan signifikan. Beberapa implikasi dasar dan cadangan turut dibincangkan dalam kajian ini.

Kata kunci: Lokalisasi pengagihan zakat; institusi masjid; amil; penerima zakat

ABSTRACT

This study attempts to examine the possibility of localizing the governance zakat as an alternative solution to overcome the problem of zakat distribution in Malaysia, and to further examine the role of mosque in making this a success. Localization involves the decentralization of the process of collecting and distributing zakat, so that collection can be done by the amil and then distributed to zakat recipient in the specific area or territory. However the successful implementation of this concept needs to be associated to the role of the mosque as an important Islamic institution which has a very close relationship to the local Muslim community. Several variables were tested and the results showed a significant relationship between the roles of the mosque and the proposed concept of localization. The study also showed that the role of the mosque is statistically significant in influencing the perception of localization. Some policy implications and recommendations are discussed in this study.

Keywords: localization of zakat management; mosque; amil; zakat recipient

PENGENALAN

Perkataan masjid secara harfiahnya diasaskan kepada tiga perkataan Arab, iaitu *misjad* yang bermaksud tempat untuk sujud, *masjad* yang bermaksud dahi lelaki yang menyentuh ketika sujud, dan *misjid* yang bermaksud tikar kecil. Namun Al-Zarkasyi berpendapat bahawa perkataan masjid dipilih kerana perbuatan sujud adalah salah satu amalan paling mulia dalam solat yang menghampirkan seorang hamba kepada tuhan yang berbanding perbuatan rukuk (Mokhtar, 2003). Manakala perkataan zakat secara harfiahnya diambil daripada perkataan asas bahasa Arab yang bermaksud penyucian dan berkembang (Mannan, 1986). Ia juga membawa konotasi lain seperti pertambahan, kebajikan dan juga memberi.

Perkataan zakat banyak digunakan dalam al-Quran bersama perkataan lain seperti *sadaqat* dan *solat*, yang juga merupakan konotasi yang bermaksud memberi atau kebajikan. Al-Quran sendiri menyebut zakat sebanyak

82 kali bersama kewajipan mendirikan solat, yang menunjukkan betapa pentingnya amalan rukun Islam yang keempat ini. Oleh sebab perkataan solat dan zakat banyak digunakan secara bergandingan dalam Al-Quran, kedua-dua ibadah khusus ini amat penting dikaitkan dengan institusi masjid berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah At-Taubah ayat 18 yang bermaksud:

Sesungguhnya orang yang wajar mengimarahkan masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan ia tidak takut kecuali Allah, semoga mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat.

Jika dilihat daripada sejarah zaman Rasulullah s.a.w., kutipan dan pengagihan zakat secara prinsipnya dilaksanakan di lokaliti yang sama, iaitu melalui masjid kerana pada ketika itu harta, terutamanya zakat, dikumpulkan di masjid, dan ini menjadikan masjid

sebagai institusi baitulmal pertama dalam sejarah Islam. Malah dikatakan bahawa tidak ada fakta atau laporan yang menunjukkan lebih dana atau zakat diagihkan ke kawasan yang lain ketika zaman Rasulullah s.a.w. (Kahf 1999). Pengajaran dalam sirah ini mempunyai beberapa implikasi penting. Pertama, kewujudan satu bentuk institusi zakat, iaitu kerajaan Islam yang mengutip dan mengagihkan zakat. Institusi zakat atau baitulmal yang diwujudkan oleh kerajaan mempunyai kuasa untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Fakta ini disokong oleh pendapat majoriti para *fuqaha'* bahawa pembayaran zakat perlu dilakukan kepada baitulmal atas beberapa sebab, termasuk peranan baitulmal yang mampu dan berupaya mengagihkan zakat secara lebih berkesan kepada asnaf zakat seperti yang dinyatakan dalam al-Quran. Kedua ialah konsep lokalisasi atau lokaliti yang dilaksanakan pada zaman tersebut. Hasil kerajaan dibelanjakan dan diagihkan secara cekap dan efisien dalam sistem zakat dan juga percukaian. Dana zakat bukan sahaja telah diagihkan dengan cekap, malah ia telah diagihkan dengan cepat dan efisien selepas zakat dikutip. Ketiga, peranan masjid yang amat besar pada ketika itu dalam menguruskan perbendaharaan negara, terutamanya dana zakat. Ini adalah antara kunci kejayaan pengurusan zakat pada ketika itu.

Namun begitu, perkembangan pengurusan zakat oleh institusi zakat di Malaysia masih dibelenggu beberapa masalah, terutamanya dari sudut pengagihan zakat, dan ini dapat dilihat daripada rasa tidak puas hati pembayar zakat (Abdul Latif 1998; Salleh 2006; Ahmad et al. 2006; Wahid et al. 2009; Wahid et al. 2010); isu membayar zakat kepada asnaf secara terus kepada asnaf zakat (Aidit 1998; Salleh 2006; Ahmad et al. 2006 dan Wahid et al. 2009); dan pengagihan zakat yang hanya tertumpu pada asnaf fakir dan miskin sahaja (Salleh et al. 2009). Ini diburukkan lagi oleh fenomena lebihan zakat yang tidak diagihkan setiap tahun oleh kebanyakan negeri di Malaysia (Salleh 2006: 215 dan Wahid et al. 2010: 151); malah fenomena ini menjadi semakin bermasalah sekiranya pengurusan zakat diurus secara berpusat (Salleh 2006: 219).

Satu cadangan teori lokalisasi zakat perlu dilaksanakan di Malaysia (Salleh 2006) dengan mengambil contoh daripada pemerintahan Rasulullah s.a.w. berdasarkan hujah dan nas yang telah dikemukakan (Qardawi 1996: 798-802). Penyelesaian kepada masalah ini ialah mengecilkan kawasan tanggungjawab dan mengendurkan pemusatan; ini dinamakan kaedah lokalisasi zakat yang melibatkan pengurusan zakat di lokaliti tertentu (Sirageldin 2000; Salleh 2006) atau melalui desentralisasi pengurusan zakat ke peringkat bawah (Kahf 1995; Muhammad 1993; Ismail & Sanusi 2006). Kaedah ini sebenarnya melibatkan proses desentralisasi kuasa yang memerlukan pusat pengurusan zakat mengagihkan kuasa memungut dan mengagihkan zakat kepada amil atau kakitangan institusi zakat di lokaliti tempatan seperti daerah, mukim, kampung, kejjiranan atau kariah. Kaedah ini dijangka akan meningkatkan keberkesanan serta kecekapan proses pengurusan zakat di lokaliti tersebut. Namun begitu, tidak ada satu pun kajian sebelum ini yang mengaitkan secara

jasel tempat melaksanakan konsep tersebut dan kajian ini percaya institusi masjid perlu diberi peranan besar bagi menjayakannya.

Persoalannya, adakah peranan masjid dapat diperluaskan lagi kepada aspek pengurusan zakat dan apakah persepsi amil sebagai individu yang bertanggungjawab mengutip zakat dan penerima zakat berhubung peranan masjid sebagai institusi yang terlibat dalam sistem pengurusan zakat. Kajian ini bertujuan mengkaji kemungkinan langkah melokalisasikan urus tadbir pengagihan zakat sebagai penyelesaian alternatif kepada masalah pengagihan zakat di Malaysia, dan seterusnya meneliti peranan institusi masjid untuk menjayakannya. Kajian ini menjangkakan terdapat hubungan signifikan antara peranan masjid dengan konsep lokalisasi pengagihan zakat. Ini kerana institusi masjid perlu melaksanakan tanggungjawab ini secara berkesan memandangkan sebahagian besar amil yang bertugas mengutip zakat fitrah berpusat di masjid.

KAJIAN LEPAS

Kajian zakat sebelum ini banyak menumpukan kepada aspek kutipan zakat, iaitu kaedah dan strategi untuk meningkatkan kutipan zakat. Antara cadangan yang telah dikemukakan ialah meningkatkan kesedaran ahli masyarakat, termasuk kumpulan pekerja profesional, untuk membayar zakat (Mohd Noor et al. 2004); meningkatkan kesedaran membayar zakat harta; meningkatkan prestasi kutipan zakat oleh institusi zakat melalui proses pengkorporatan institusi (Ahmad et al. 2006); meningkat kesedaran masyarakat tentang pembayaran harta yang diikhtilaf (Ahmad & Wahid 2005); dan juga meningkatkan kutipan zakat melalui zakat pendapatan dan skim potongan gaji kakitangan (Wahid et al. 2007). Kesemua kajian ini antaranya bertujuan meningkatkan kesedaran untuk membayar zakat yang akhirnya akan meningkatkan jumlah kutipan zakat dari setahun ke setahun; peningkatan jumlah pungutan ini akan meningkatkan lagi jumlah pengagihan zakat kepada asnaf. Jika jumlah kutipan meningkat, amaun zakat yang diagihkan kepada fakir miskin juga akan meningkat dan ini akhirnya akan memberikan kesan positif kepada asnaf zakat dari sudut ekonomi, seperti peningkatan jumlah bantuan dan jenis bantuan zakat, peningkatan jenis dan jumlah bantuan modal kepada asnaf yang memungkinkan mengeluarkan asnaf, terutamanya asnaf fakir dan miskin, daripada belenggu kemiskinan (Chapra 1992) atau sekurang-kurangnya dapat meningkatkan kualiti hidup asnaf secara relatif (Wahid et al. 2004).

Laporan kutipan zakat tahunan amat membanggakan dengan situasi semasa menunjukkan jumlah kutipan zakat terus meningkat setiap tahun. Peningkatan jumlah kutipan zakat menunjukkan yang strategi kutipan oleh pusat zakat telah berjaya. Oleh itu, mungkin dapat disimpulkan bahawa kutipan zakat bukan lagi masalah utama yang dihadapi pusat zakat. Membayar zakat telah menjadi budaya murni yang tersemam di kalangan masyarakat Islam. Namun begitu beberapa kajian semasa mendapati bahawa masalah zakat pada masa ini melibatkan aspek pengagihan

zakat. Kebanyakan masalah pengagihan ini dapat dikesan oleh pembayar zakat yang merupakan antara agen utama dalam sistem zakat. Kajian di kalangan pembayar zakat, termasuk pembayar zakat di kalangan kumpulan akademik (Muhamad 2008), menunjukkan yang mereka masih kurang berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat oleh institusi zakat (Abdul Latif 1998; Salleh 2006; Ahmad et al. 2006; Wahid et al. 2009; Wahid et al. 2010). Kajian ini mendapati bahawa sekiranya institusi zakat tidak memberi perhatian sepenuhnya kepada isu ini, ia akan menimbulkan beberapa isu lain seperti membayar zakat kepada asnaf secara tidak formal atau membayar secara langsung dan terus kepada asnaf zakat (Ghazali 1998; Salleh 2006; Ahmad et al. 2006 dan Wahid et al. 2009). Walaupun sesetengah *fuqaha'* berpendapat bahawa tindakan ini adalah harus, namun ia akan menimbulkan isu lain seperti pengagihan zakat hanya tertumpu pada asnaf fakir dan miskin sahaja serta mengabaikan enam lagi asnaf lain disebabkan masalah kekurangan maklumat. Ini kerana pembayar zakat tidak mempunyai maklumat berkenaan asnaf selain asnaf fakir dan miskin. Tambahan pula pembayaran zakat secara tidak formal akan menyebabkan sistem merekod jumlah kutipan dan agihan zakat di setiap negeri tidak dinyatakan dalam laporan zakat yang berkemungkinan akan menunjukkan jumlah kutipan zakat yang banyak jika mengambil kira jumlah pembayaran zakat yang dilakukan secara tidak formal. Apakah strategi dan cadangan untuk mengatasi masalah ini? Antara cadangan yang perlu dipertimbangkan ialah kaedah lokalisasi zakat (Muhammad 1993; Kahf 1995; Salleh 2006) kerana kebanyakan kajian menunjukkan bahawa kaedah ini telah berjaya dipraktikkan pada zaman Rasulullah s.a.w. dan semestinya mempunyai banyak kelebihan. Kajian ini dapat merumuskan dua perkara utama kelebihan kaedah desentralisasi dan lokalisasi ini. Pertama ialah aspek Islam dan kedua ialah aspek ekonomi.

Kajian Salleh (2006) contohnya adalah cadangan berdasarkan aspek Islam seperti yang dipraktikkan pada zaman Rasulullah s.a.w. Beliau mencadangkan pelaksanaan kaedah lokalisasi zakat dari sudut kutipan dan pengagihan di lokaliti berkaitan berdasarkan beberapa hujah seperti yang dikemukakan Qardawi (1996: 799-801), antaranya:

1. Daripada Abu Juhaifah, ia berkata: "Telah datang kepada kami petugas zakat Rasulullah s.a.w., kemudian ia mengambil sedekah daripada orang kaya kami, dan diberikan pada orang fakir kami. Aku adalah seorang anak yatim, dan petugas itu memberi zakat kepadaku seekor unta."
2. Daripada Said bin Musayyib: "Bahawa Umar telah mengutus Mu`az sebagai petugas zakat kepada Banu Kilab atau pada Banu Sa`ad bin Ribyan, dia membagikannya di kalangan mereka, sehingga tidak tersisa sedikit pun juga, sampai ia datang kembali ke tempatnya semula, di mana ia meninggalkan budaknya."
3. Umar ditanya tentang sedekah yang diambil daripada penduduk Arab: "Bagaimana kita memperlakukannya?" Umar menjawab: "Demi Allah, aku akan kembalikan

kepada mereka, sehingga datang dari salah seorang di antara mereka, seratus ekor unta".

Menurut Salleh (2006) lagi, beliau telah merumuskan hujah Qardawi (1996) seperti berikut:

1. Semua kaum lebih berhak terhadap sedekahnya, sehingga mereka merasa berkecukupan dengannya.
2. Orang tempatan lebih berhak ke atas zakat kerana menghormati ketetanggaan, dan kerana dekatnya tempat tinggal mereka dengan tempat tinggal orang kaya.
3. Sekiranya petugas tidak mengetahui sehingga ia membawa sedekah ke tempat lain, padahal penduduk asal memerlukannya, maka si penguasa harus mengembalikan kepada mereka, seperti yang dilakukan Umar bin Abdul Aziz, dan sebagaimana difatwakan oleh Said bin Jubair.

Kesemua hujah ini jelas menunjukkan kepentingan menyempurnakan keperluan penduduk di lokaliti melalui pungutan dan pengagihan zakat di dalam lokaliti tersebut dan lebih zakat dibenarkan diagihkan di kawasan kejiranan lain yang berdekatan.

Dari sudut ekonomi pula, perkataan lokalisasi dan desentralisasi sering digunakan dan kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang sama (Shah & Thompson 2004: 2). Ini kerana lokalisasi bermaksud desentralisasi dalam membuat keputusan untuk pentadbiran peringkat tempatan dan boleh dicapai melalui desentralisasi politik, pentadbiran dan fiskal (Shah & Thompson 2004). Dalam konteks kajian ini, ia bererti proses lokalisasi zakat adalah desentralisasi kuasa dalam membuat keputusan berhubung pengurusan zakat dan menyerahkannya kepada peringkat tempatan dan lokaliti tertentu, terutamanya dari segi politik, pentadbiran dan fiskal. Sebenarnya proses desentralisasi mengubah struktur pentadbiran dan akauntabiliti daripada peringkat pusat kepada peringkat tempatan dan melampaui sempadan geografi untuk memudahkan pihak pentadbiran tempatan berinteraksi dengan masyarakat tempatan (Schnider 2003). Kelebihan pelaksanaan konsep lokalisasi juga banyak dibincangkan dari sudut ekonomi, terutamanya dalam mempraktikkan tadbir urus yang baik (*good governance*) dalam sesebuah institusi dan banyak kajian menunjukkan bahawa konsep lokalisasi mempunyai banyak kelebihan. Pertama, pegawai yang terlibat di peringkat tempatan lebih dipercayai berbanding pegawai peringkat negeri kerana pihak pentadbiran lebih dekat dengan masyarakat setempat serta mendengar keluhan dan pandangan mereka. Pegawai tempatan lebih mudah dihubungi, mempunyai hubungan yang rapat serta mudah dilihat oleh masyarakat setempat (Shah & Thompson 2004). Kesannya pegawai tempatan akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan tugas masing-masing, terutamanya dalam memenuhi keperluan masyarakat tempatan (Oates 1972; Kahf 1995; Faguet 2004). Ini akhirnya akan meningkatkan akauntabiliti dan transparensi dalam pentadbiran (Tugrul & Shah 2002). Konsep lokalisasi juga akan meningkatkan kecekapan pentadbiran. Ini kerana sumber dan kuasa

pentadbiran telah dikecilkan ke peringkat tempatan (Faguet 2000; Hankla 2008). Kesannya, dari segi pengurusan zakat, pengagihan dapat dilakukan dengan segera seperti yang diamalkan pada zaman Rasulullah s.a.w. tanpa sebarang penangguhan (Nik Hassan 1991; Kahf 1995; Mujaini 1995)

Tambahan lagi, sekiranya amil mendapati semua asnaf di sesuatu kawasan telah menerima zakat dan terdapat lebih zakat di baitulmal, lebih tersebut sepatutnya diagihkan ke kawasan yang mengalami defisit pengagihan zakat (jumlah pengagihan lebih besar berbanding jumlah kutipan) seperti yang dipersetujui kebanyakan ulama' (lihat Qardawi 1999: 513-517). Jika lebih zakat dapat dipindahkan ke kawasan yang mengalami defisit, ia berkemungkinan dapat mengurangkan jurang ketaksamaan ekonomi dan sosial di antara kawasan dan negeri. Kebanyakan kajian bersetuju bahawa desentralisasi pentadbiran tempatan dapat mengurangkan ketaksamaan ekonomi dan sosial di antara kawasan, terutamanya di peringkat tempatan (Crook & Manor 2000; Hankla 2008). Pihak pentadbir tempatan juga dapat meningkatkan kualiti pentadbiran mereka sekiranya mereka dapat mengenal pasti keperluan masyarakat setempat berhubung perkhidmatan sesuatu barangan atau perkhidmatan kerana pihak pentadbiran pusat tidak mampu mengenal pasti sasaran barangan awam tertentu kepada kawasan atau negeri yang berbeza (Tiebout 1956; Oates 1972; Treisman 2007). Ini disebabkan sosiobudaya yang berbeza di antara negeri dan kawasan menyebabkan permintaan barangan yang berbeza. Begitu juga, dari sudut zakat, kemungkinan pengagihan dalam bentuk fizikal barangan dapat dilakukan dengan cekap menurut keperluan asnaf tempatan.

Dari sudut pengurusan zakat, amil tempatan lebih mudah mengenal pasti keperluan asnaf di kawasan masing-masing, terutamanya keperluan kumpulan fakir dan miskin, dan boleh berusaha untuk meningkatkan tahap kehidupan mereka. Amil boleh mengetahui keperluan asnaf sekurang-kurang dari segi jumlah zakat yang diperlukan. Jumlah bantuan zakat untuk kawasan bandar adalah berbeza daripada jumlah yang diperlukan di luar bandar, malahan bantuan zakat di bandar berkemungkinan adalah tidak sama. Keperluan bantuan bulanan makanan juga tidak sama di antara kawasan dan dalam hal ini juga amil tempatan lebih arif berkenaan asnaf di kawasan masing-masing. Ini ditambah lagi dengan keperluan meningkatkan tahap ekonomi melalui keusahawanan yang dicadangkan oleh pusat zakat. Terdapat kemungkinan kegiatan ekonomi yang berbeza di antara satu kawasan dengan kawasan lain yang memerlukan kepakaran amil untuk menentukan aktiviti ekonomi setempat. Ini ditambah dengan keperluan untuk amil memantau secara dekat kejayaan asnaf yang telah menerima bantuan modal. Ini memerlukan konsep lokalisasi dilaksanakan dan dipraktikkan di kawasan masing-masing.

Sejarah menunjukkan bahawa konsep lokalisasi telah dilaksanakan di Malaysia sejak sebelum zaman kolonial lagi. Contohnya, Muhammad (1993) menjelaskan bahawa dari segi sejarah, dalam pengurusan zakat sebelum zaman

kolonial, zakat umumnya dikutip dan diagihkan di peringkat kampung. Beliau berpendapat bahawa desentralisasi pengurusan zakat tidak bertentangan dengan syariat Islam, malah kaedah ini akan menjaga kepentingan golongan fakir dan miskin serta asnaf lain (Muhammad 1993: 179). Beberapa kajian lain mencadangkan bahawa institusi zakat perlu diadakan sehingga ke peringkat kampung, di dalam kawasan masyarakat Islam dan institusi masjid juga berperanan melaksanakan tanggungjawab menguruskan zakat. Institusi masjid yang dicadangkan ialah masjid berstatus masjid *jami'* yang dapat menghimpunkan ramai ahli masyarakat Islam pada satu-satu masa (Kahf 1995; Zayas 2003). Sejarah juga menunjukkan bahawa pada zaman sebelum kolonial, para ustaz atau imam berperanan sebagai amil memandangkan masyarakat Islam amat menghormati mereka dan percaya bahawa mereka dapat mengagihkan zakat secara adil (Abdul-Wahab 1995; Muhammad 1993). Di negara Islam yang lain, seperti Pakistan dan Kuwait, jawatankuasa yang diketuai oleh pemimpin agama diyakini dapat mengagihkan zakat, terutamanya kepada golongan fakir dan miskin (Kahf 1995; Ajeel 1995). Apabila masyarakat dapat menerima jawatankuasa ini atau percaya kepada ustaz atau imam yang mengutip dan mengagihkan zakat, maka masyarakat Islam mungkin akan bekerjasama secara aktif dalam sebarang kegiatan masyarakat, terutamanya untuk membantu masyarakat miskin dan membentasi kemiskinan di kampung mereka (Alatas et al. 2003). Sebenarnya institusi masjid, melalui imam atau ustaz mahupun jawatankuasa masjid, berperanan besar dalam mewujudkan hubungan baik di kalangan masyarakat Islam bukan sahaja dalam urusan ibadat solat, malah perlu juga berperanan dalam kegiatan ekonomi, terutamanya pengurusan zakat. Peranan masjid sebagai institusi yang menggerakkan konsep ini tidak dibincangkan dengan jelas dalam kajian sebelum ini sedangkan kebanyakan amil adalah mereka yang menjadi ahli jawatankuasa masjid serta mengutip zakat di masjid kariah mereka. Ini sebenarnya menjadi motivasi utama kepada kajian ini untuk mengiktiraf peranan masjid dalam menguruskan zakat. Ini berkemungkinan dapat menyelesaikan masalah geografi yang luas dan masalah perhubungan antara amil dengan penerima zakat memandangkan kedudukan masjid yang strategik menjadikannya tempat pertemuan umat Islam setiap masa dan setiap hari ketika menunaikan ibadah, terutamanya ibadah solat berjemaah.

Kajian terdahulu hanya mencadangkan dan membentangkan konsep lokalisasi melalui peranan aktif institusi masjid berdasarkan fakta sejarah lampau. Tidak ada kajian semasa yang mengkaji kemungkinan ia dapat dilaksanakan pada masa kini berdasarkan penerimaan dan persepsi masyarakat Islam berhubung konsep lokalisasi pengurusan zakat serta peranan yang sepatutnya dimainkan oleh institusi masjid. Hipotesis kajian ini amat jelas, iaitu cuba menguji adakah terdapat hubungan signifikan antara peranan masjid dengan konsep lokalisasi pengagihan zakat. Kajian ini juga cuba menguji adakah kefahaman masyarakat berhubung peranan masjid sebagai institusi

Islam yang lebih hampir dengan masyarakat lebih dominan berbanding kefahaman masyarakat berhubung konsep lokalisasi pengagihan zakat. Kajian ini penting bagi memberikan cadangan kepada pembuat dasar, terutamanya institusi zakat, untuk meningkatkan lagi tahap kecekapan pengurusan zakat di Malaysia dan mengukuhkan lagi keberkesanan pelaksanaan konsep lokalisasi melalui institusi masjid.

METODOLOGI KAJIAN PUNGUTAN

DATA DAN PENSAMPELAN

Unit analisis kajian ini ialah amil, iaitu ia melibatkan amil tetap dan amil sementara yang mengutip zakat fitra pada bulan Ramadan, manakala asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan kewangan bulanan dan makanan bulanan mewakili sampel penerima zakat. Kedua-dua kategori asnaf ini dipilih disebabkan beberapa faktor. Pertama, amil dipilih sebagai responden kerana amil adalah pihak utama yang melaksanakan pengurusan zakat oleh institusi zakat, terutamanya di peringkat mukim atau lokaliti tertentu. Kedua, responden fakir dan miskin dipilih kerana golongan asnaf ini merupakan penerima perkhidmatan pengagihan zakat secara langsung daripada institusi zakat dan mewakili golongan penerima zakat terbesar, iaitu hampir 50 peratus berbanding penerima zakat yang lain (Wahid et al. 2010). Kajian ini tertumpu di negeri Selangor, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur, Melaka, Terengganu dan Kedah (Jadual 1). Kajian ini mengkategorikan institusi zakat seperti berikut: Selangor dan Pulau Pinang yang telah mengkorporatkan institusi zakat dari segi kutipan dan pengagihan zakat; WP Kuala Lumpur dan Melaka yang telah mengkorporatkan institusi zakat dari segi kutipan zakat sahaja manakala pengagihan masih diletakkan bawah pengurusan baitulmal negeri; Terengganu dan Kedah mewakili negeri yang pengurusan kutipan dan pengagihan zakat yang masih berada di bawah tanggungjawab baitulmal negeri. (Pusat Pungutan Zakat-MAWIP 2008). Perbezaan struktur institusi pengurusan zakat di antara kesemua negeri dijangka akan memberikan keputusan kajian yang seimbang.

JADUAL 1. Responden Kajian

Negeri	Responden	
	Amil	Asnaf
Selangor	112 (27.50)	69 (10.00)
Pulau Pinang	51 (12.50)	101 (14.70)
Wilayah Persekutuan	68 (16.70)	130 (18.90)
Melaka	37 (9.10)	113 (16.40)
Terengganu	88 (21.60)	171 (24.90)
		103 (15.0)
Kedah	51 (12.50)	
Jumlah	407 (100.00)	687(100.00)

Nota: () peratus daripada jumlah keseluruhan

SPESIFIKASI MODEL

Kajian ini cuba menganggar kebarangkalian wujudnya hubungan antara peranan institusi masjid dan kelebihan lokalisasi zakat yang melibatkan persepsi pelaksana (amil) dengan penerima akhir perkhidmatan zakat (golongan fakir dan miskin) dalam satu sistem zakat. Setiap pembolehubah dalam model adalah pembolehubah pendam dan akan diuji menggunakan model persamaan struktur (SEM) seperti yang dicadangkan Bryne (2001). Definisi setiap pembolehubah adalah seperti berikut:

Pembolehubah Lokalisasi. Pembolehubah ini dibentuk melalui kajian lalu berdasarkan kelebihan pelaksanaan lokalisasi pengagihan zakat dan ia merupakan pembolehubah pendam. Sebanyak 20 faktor penyumbang kepada konsep lokalisasi dibentuk dan diuji terlebih dahulu (Jadual 4) melalui pendekatan analisis faktor penerokaan (EFA) untuk memilih pembolehubah yang mempunyai nilai muatan yang sesuai dan mengelompokkan kumpulan faktor utama. Seterusnya, pendekatan analisis faktor pemastian (CFA) digunakan untuk mengesahkan faktor tersebut bagi menerangkan pembolehubah lokalisasi (Jadual 5). Lima skala Likert juga telah digunakan, iaitu sangat tidak bersetuju, tidak bersetuju, sederhana, bersetuju dan sangat bersetuju, bagi setiap faktor.


Pembolehubah Peranan Institusi Masjid. Peranan institusi masjid amat luas. Kajian ini mengecilkkan skop kepada peranan menguruskan zakat oleh pihak masjid (lihat Hamka 1984; Mokhtar 2003). Dua faktor utama telah dikenal pasti daripada pendekatan EFA (Jadual 2) dan CFA (Jadual 3), iaitu program dan aktiviti anjuran masjid serta pengurusan dan nilai murni kesan daripada kekerapan mengikut aktiviti masjid. Lima skala Likert juga digunakan, iaitu sangat tidak bersetuju, tidak bersetuju, sederhana, bersetuju dan sangat bersetuju.

MODEL

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, kajian ini menggunakan teknik SEM yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Ia melibatkan tiga analisis utama, iaitu korelasi dan kovarians kedua-dua pembolehubah, yang bertujuan memastikan kewujudan hubungan signifikan di antara pembolehubah. Model I dan II akhirnya meninjau pengaruh pembolehubah peranan masjid terhadap lokalisasi atau sebaliknya untuk menentukan pembolehubah mana yang banyak mempengaruhi pembolehubah lain berdasarkan nilai koefisien. Analisis akan dibahagikan kepada tiga kumpulan responden, iaitu amil, penerima zakat, dan kedua-dua amil dan penerima zakat.

ANALISIS DATA

Data kajian dianalisis dengan menggunakan beberapa langkah. Pertama, analisis faktor dilakukan dengan menggunakan pendekatan EFA dan CFA untuk menguji



RAJAH 1. Hipotesis Hubungan Antara Peranan Masjid dan Cadangan Lokalisasi

kesahan (validity) setiap pembolehubah untuk membentuk dan memilih beberapa faktor yang mewakili pembolehubah pendam (latent). Kedua, SEM diaplikasi dengan menggunakan perisian AMOS (Bryne 2001). SEM ialah teknik pengesahan bagi analisis data yang menjadi tumpuan penyelidik pada masa kini (Hair et al. 2006).

Pertama, dalam kaedah EFA, setiap pembolehubah yang membentuk konstruk *vulnerable* perlu diuji dengan analisis kebolehpercayaan (reliability) untuk memenuhi syarat ketekalan dalaman. Ukuran yang sering digunakan untuk tujuan pengukuran ini ialah koefisien alpha (Cronbach 1951). Pada umumnya, koefisien alpha dengan nilai minimum 0.7 adalah memadai untuk diterima (Hair et al. 2006). Seterusnya analisis faktor akan diaplikasikan bagi meneroka dan mengenal pasti faktor yang tersirat daripada pembolehubah peranan masjid dan lokalisasi pengagihan zakat. Kriteria punca terpendam akan digunakan melalui nilai eigen dan sekiranya nilainya melebihi 1.0 bagi setiap faktor, maka ia dianggap signifikan. Sementara itu, kriteria peratus varian juga perlu dipastikan berada pada tahap yang memuaskan, iaitu sekurang-kurangnya 60 peratus (Hair et al. 2006). Ujian ke atas matriks data juga dilakukan sebelum analisis faktor dilakukan untuk memastikan ia mempunyai korelasi yang mencukupi untuk memberi justifikasi kesesuaian penggunaan analisis faktor. Dalam kes ini, ukuran Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan ujian kesferaan Bartlett akan digunakan. KMO adalah ukuran kecukupan sampel (MSA), dan sekiranya nilai KMO adalah kecil maka pembolehubah tersebut tidak dapat dijelaskan oleh pembolehubah lain tanpa ralat signifikan. Justeru, nilai keseluruhan MSA perlu dipastikan adalah lebih daripada 0.5 (Hair et al. 2006). Ujian keseferaan Bartlett pula digunakan untuk menguji sama ada matriks korelasi yang diuji mempunyai nilai korelasi signifikan di kalangan pembolehubah yang diuji bagi sekurang-kurangnya satu pembolehubah. Ini bermakna bahawa sekiranya nilai khi kuasa dua adalah besar ($\text{sig} < 0.05$), maka analisis faktor boleh diteruskan. Akhir sekali, setiap faktor yang mempunyai muatan faktor melebihi nilai 0.4 akan dianalisis untuk analisis seterusnya.

Kedua, dalam kaedah CFA, berbagai-bagai indeks ketepatan padanan (goodness of fit) digunakan bagi menilai padanan model yang dicadangkan dalam kajian dengan data. Literatur melaporkan bahawa terdapat

beberapa indeks ukuran padanan yang sering digunakan sebagai tanda aras dalam menentukan ketepatan padanan sesuatu model, antaranya khi kuasa dua (χ^2); anggaran ralat punca min kuasa dua (RMSEA) (Bollen 1986; Browne & Cudeck 1993; Hair et al. 2006; Hu & Bentler 1999), indeks Tucker-Lewis (TLI) dan *normed fit index* (NFI) (Hair et al. 2006; Hu & Bentler 1999), dan *comparative fit index* (CFI) dan *normed chi-square* (χ^2/df) (Hair et al. 2006). Bagi memantapkan kedudukan konstruk dalam kedua-dua teori, ujian kebolehpercayaan dan kesahan konstruk dilakukan. Kebolehpercayaan konstruk juga dilakukan berpandukan kebolehpercayaan komposit (Cornbach & Meehl 1955; Bonett 2002). Kesahan konstruk pula melibatkan kesahan memusat berdasarkan nilai *normed fit index* (NFI); nilai menghampiri 0.9 dan lebih menunjukkan skala kesahan menumpu yang baik (Bentler & Bonett 1980); nilai CFI yang menghampiri 0.90 dan lebih menunjukkan skala sedimensi yang baik (Bentler 1990); nilai RFI menghampiri 1 menunjukkan ketepatan padanan yang baik (Bollen 1986). TLI merupakan analisis struktur momen: nilai menghampiri 1 menunjukkan ketepatan padanan yang baik (Bentler & Bonett 1980); dan akhir sekali, bagi RMSEA nilai menghampiri 0.08 atau kurang menunjukkan kesesuaian anggaran ralat (Bollen 1989; Browne & Cudeck 1993; Hair et al. 2006; Hu & Bentler 1999). Kajian ini akan menggunakan kesemua indeks ini sebagai syarat utama sesuatu model SEM diterima dan ia seterusnya dianalisis secara empirik.

DAPATAN KAJIAN

Perlu dinyatakan bahawa kajian ini akan membentuk pembolehubah peranan masjid dan lokalisasi pengagihan zakat yang adalah pembolehubah pendam. Jadual 2 menunjukkan kaedah EFA untuk menentukan kelompok faktor utama pembolehubah peranan masjid. Walau bagaimanapun, ia perlu dirujuk kepada keseluruhan padanan berdasarkan kriteria *scree test* dan punca terpendam. Ujian kesahan menunjukkan yang nilai keseluruhan alpha Cronbach adalah bersamaan 0.865, yang menunjukkan skala kesahan yang baik. Kajian ini mendapati kriteria *scree test* adalah 2 yang menunjukkan kesemua pembolehubah cerapan terbahagi kepada dua faktor utama, iaitu program dan aktiviti (enam item) dan

JADUAL 2. Analisis EFA Terhadap Pembolehubah Peranan Masjid

Kelompok Pembolehubah	Item ²	MSA ¹	Muatan Faktor		Komunaliti
			1	2	
Program dan aktiviti (6 item)					
Peranan masjid mengagih zakat	X ₂	.835	.763		.613
Peranan kegiatan ekonomi	X ₅	.751	.762		.598
Solat berjemaah diikuti aktiviti	X ₆	.755	.834		.706
Majlis ilmu menambah pengetahuan	X ₇	.731	.579		.500
Cepat dan cekap menguruskan zakat	X ₉	.846	.533		.738
Hubungan erat dengan ahli kariah	X ₁₀	.881	.700		.443
					.565
Nilai murni dan pengurusan (4 item)					
Masjid menggalakkan kegiatan ekonomi	X ₁	.857		.668	.516
Masjid jami' sesuai dijadikan cawangan ins zakat	X ₃	.798		.827	.705
Pengurusan masjid cekap	X ₄	.738		.845	.723
Nilai murni kesan daripada aktiviti masjid	X ₈	.832		.533	.527
Hasil tambah kuasa dua (nilai eigen)			3.223	2.673	5.896
Peratus varians			32.23	26.72	58.96

Nota: Kaedah penyarian: analisis komponen utama. Kaedah putaran: Varimax dengan Normalisasi Kaiser. Putaran bertumpu pada tiga lalaran
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy = 0.798
 Ujian kesferaan Bartlett: signifikan pada aras keertian 1

¹ (MSA) mengukur kecukupan pensampelan. Nilai = 0.50 dan lebih adalah di dalam julat yang diterima.

² Cronbach Alpha (α) keseluruhan = 0.865; nilai = 0.70 dan lebih menjelaskan keutuhan skala

nilai murni dan pengurusan (empat item). Manakala kriteria punca terpendam berdasarkan peratus variasi keseluruhan menunjukkan 58.96 peratus dan pembahagian kedua-dua variasi untuk ketiga-tiga faktor adalah seimbang, iaitu masing-masing adalah 32.23 dan 26.72. Oleh itu, kesemua faktor adalah sesuai untuk analisis seterusnya setelah meneliti nilai kecukupan pengukuran pensampelan (MSA), muatan faktor dan faktor komunaliti. Kajian mendapati kesemua faktor ini melebihi nilai tahap yang sesuai 0.5 (lihat Hair et al. 2006: 144-162).

Namun begitu tidak semua item di bawah kumpulan faktor akan digunakan dan kaedah CFA akan digunakan untuk mengesahkan item di bawah setiap kumpulan faktor yang telah dibentuk. Jadual 3 menunjukkan hasil analisis CFA. Perbezaan yang jelas berbeza adalah jumlah faktor bagi setiap kelompok faktor telah berkurangan kepada 2 bagi setiap kelompok. Namun perkara penting dalam teknik CFA ialah ketepatan padanan sesuatu model mesti diteliti sebelum meneruskan analisis sesuatu faktor. Nilai $\chi^2/df = 2.52$; CFI = 0.998; RFI = 0.973; NFI = 0.997; TLI = 0.984; RMSEA = 0.037 dan dengan itu model ini memenuhi kriteria padanan sesuatu model. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kedua-dua item bagi kedua-dua pembolehubah bagi menerangkan pembolehubah peranan masjid.

Langkah seterusnya ialah membentuk pembolehubah lokalisasi pengagihan zakat. Seperti pembentukan pembolehubah peranan masjid, pembolehubah ini dibentuk berdasarkan pendekatan EFA dan CFA. Jadual 4 menunjukkan pendekatan EFA, iaitu langkah membentuk kelompok faktor utama penentu terhadap pembolehubah lokalisasi berdasarkan kriteria *scree test* dan punca pendam. Ujian kesahan menunjukkan nilai keseluruhan alpha Cronbach adalah 0.946, yang bermaksud skala

kesahan yang baik. Kriteria *Scree test* adalah 3, yang bermaksud semua pembolehubah cerapan terbahagi kepada tiga faktor utama. Manakala kriteria punca pendam berdasarkan peratus variasi keseluruhan ialah 60.56 peratus dan pembahagian ketiga-tiga variasi untuk ketiga-tiga faktor adalah seimbang, iaitu masing-masing adalah 24.96, 18.23 dan 13.37. Oleh itu, semua faktor adalah sesuai untuk analisis seterusnya. Nilai kecukupan pengukuran pensampelan (MSA), muatan faktor dan faktor komunaliti pula didapati melebihi nilai tahap yang sesuai, iaitu 0.5. Terdapat tiga kumpulan faktor yang mewakili pembolehubah lokalisasi, iaitu perhubungan dan transparansi (sembilan item), mudah dikenal pasti dan efisien (enam item) dan kepercayaan (lima item). Oleh itu, pendekatan CFA akan dijalankan untuk mengesahkan item yang akan digunakan dalam analisis seterusnya.

Jadual 5 menunjukkan hasil pendekatan CFA. Perbezaan yang jelas berbeza adalah jumlah faktor bagi setiap kelompok faktor telah berkurangan kepada tiga faktor bagi setiap kelompok. Namun apa yang penting dalam teknik CFA ialah ketepatan padanan sesuatu model perlu dipertimbangkan sebelum meneruskan analisis sesuatu faktor. Dengan nilai $\chi^2/df = 7.47$; CFI = 0.965; RFI = 0.926; NFI = 0.960; TLI = 0.935; RMSEA = 0.077, model ini memenuhi kriteria padanan sesuatu model. Oleh itu, pembentukan pembolehubah lokalisasi yang merupakan pembolehubah pendam akan diprosikan oleh tiga kelompok faktor tersebut.

Sebelum analisis SEM dilakukan untuk meninjau pengaruh peranan masjid dan lokalisasi dilakukan, analisis korelasi atau kovarian perlu dilakukan untuk memastikan kedua-dua pembolehubah pendam ini mempunyai hubungan signifikan. Jadual 6 menunjukkan yang kedua-dua pembolehubah mempunyai nilai korelasi yang

JADUAL 3. CFA Peringkat Pertama Terhadap Pembolehubah Peranan Masjid

Kelompok Pembolehubah	Item	Muatan Faktor	
		1	2
Program & aktiviti (dua item)			
Solat berjemaah diikuti aktiviti	X ₆	.715	
Hubungan erat dengan ahli kariah	X ₁₀	.766	
Nilai murni & pengurusan (dua item)			
Pengurusan masjid cekap	X ₄		.544
Nilai murni kesan aktiviti masjid	X ₈		.938
χ^2/df	2.52		
Comparative fit index (CFI) ^a	.998		
Bollen Relative fit index (RFI) ^b	.973		
Bentler Bonett coefficient (NFI) ^c	.997		
Tucker-Lewis coefficient (TLI) ^d	.984		
Root Mean Square Error of approximation (RMSEA) ^e	.037		

Nota: ^a nilai CFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala sedimensi yang baik
^b nilai RFI menghampiri 1 menunjukkan kebagusan penyuaiian yang baik
^c nilai NFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala kesahan menumpu yang baik
^d TLI analisis struktur momen. Nilai menghampiri 1 menunjukkan kebagusan penyuaiian yang baik.
^e nilai menghampiri 0.08 atau kurang untuk RMSEA menunjukkan kesesuaian penganggaran ralat
* signifikan pada aras keertian 1%

JADUAL 4. Analisis EFA Terhadap Pembolehubah Lokalisasi

Kelompok Pembolehubah ²	Item	MSA ¹	Muatan Faktor			Komunaliti
			1	2	3	
Perhubungan dan transparansi (sembilan item)						
Hubungan rapat	X ₂	.935	.631			.625
Mudah dihubungi	X ₅	.914	.680			.664
Pemantauan yang kerap	X ₆	.914	.681			.642
Menggalakkan penyertaan masyarakat	X ₉	.949	.608			.594
Segera selesaikan masalah	X ₁₀	.955	.732			.694
Kos permohonan yang rendah	X ₁₃	.908	.611			.594
Mengenal pasti potensi ekonomi	X ₁₄	.928	.730			.623
Pengagihan yang telus	X ₁₇	.923	.643			.547
Proses birokrasi dikurangkan	X ₁₈	.932	.712			.673
Mudah dikenali pasti dan cekap (enam item)						
Lebih kenali potensi asnaf	X ₇	.927		.537		.537
Pengagihan yang cekap	X ₁₁	.914		.768		.694
Menggalakkan ekonomi setempat	X ₁₂	.931		.631		.607
Pengagihan cepat	X ₁₅	.956		.659		.607
Tidak ada kecenderungan politik	X ₁₉	.947		.606		.540
Meningkatkan imej institusi	X ₂₀	.960		.480		.443
Kepercayaan (lima item)						
Lebih mengenali asnaf	X ₁	.936			.689	.630
Lebih dipercayai	X ₃	.943			.617	.660
Tidak malu memohon	X ₄	.888			.730	.631
Memahami masalah asnaf	X ₈	.927			.517	.515
Amil di kalangan penduduk tempatan	X ₁₆	.914			.590	.593
Hasil tambah kuasa dua (nilai eigen)			4.991	3.646	3.474	12.11
Peratusan varians			24.96	18.23	17.37	60.56

Nota: Kaedah penyarian: analisis komponen utama. Kaedah putaran: Varimax dengan Normalisasi Kaiser.

Putaran bertumpu pada 14 lalaran

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy = 0.930

Ujian kesferaan Bartlett : signifikan pada aras keertian 1%

¹ (MSA) mengukur kecukupan pensampelan. Nilai = 0.50 dan lebih adalah di dalam julat yang diterima.

² Cronbach Alpha (α) keseluruhan = 0.946; nilai = 0.70 dan lebih menjelaskan keutuhan skala

sederhana bagi penerima zakat (0.567) dan keseluruhan (0.599) tetapi agak tinggi bagi amil (0.825). Hubungan di antara kedua-dua pembolehubah ini menunjukkan terdapat hubungan signifikan bagi semua model pada aras keertian 1 peratus. Ini menunjukkan kedua-dua pembolehubah pendam boleh dianalisis untuk peringkat seterusnya, iaitu analisis regresi. Kriteria ketepatan padanan sesuatu model (GOF) perlu dieluti sebelum meneruskan analisis sesuatu faktor. Dengan nilai $\chi^2/df = 8.07$; CFI = 0.975; RFI = 0.893; NFI = 0.971; TLI = 0.905; RMSEA = 0.057, model ini memenuhi kriteria padanan sesuatu model.

Jadual 7 menunjukkan keputusan regresi menggunakan SEM untuk menguji sama ada institusi lebih dominan berbanding persepsi terhadap lokalisasi atau sebaliknya. Hasil kajian menunjukkan peranan institusi masjid adalah signifikan dan lebih banyak mempengaruhi lokalisasi daripada perspektif amil dan kedua-dua amil dan penerima zakat. Contohnya, untuk amil, apabila institusi masjid meningkat satu unit, persetujuan cadangan lokalisasi meningkat 1.370 unit. Manakala bagi semua responden, apabila institusi masjid meningkat satu unit, lokalisasi akan meningkat 0.633 unit. Namun, sekiranya dilihat pengaruh persetujuan cadangan lokalisasi terhadap institusi masjid, bagi amil, satu unit kenaikan dalam lokalisasi akan meningkatkan persetujuan peranan institusi masjid hanya sebanyak 0.496 unit dan peningkatan untuk responden pula

hanya 0.567 unit. Dari segi kriteria kebagusan penyuaian, model ini adalah baik kerana kajian mendapati $\chi^2/df = 8.07$; CFI = 0.975; RFI = 0.893; NFI = 0.971; TLI = 0.905; RMSEA = 0.057.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa untuk model I, pengaruh faktor peranan institusi, iaitu pengaruh masjid terhadap lokalisasi, adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus, manakala untuk model II pengaruh lokalisasi terhadap institusi masjid juga adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus. Namun begitu apabila kita melihat nilai koefisien keseluruhan bagi setiap model, model I mempunyai nilai koefisien keseluruhan yang lebih tinggi, iaitu 0.633, berbanding model II dengan nilai koefisien keseluruhan 0.567. Amil mempunyai pengaruh besar berbanding penerima zakat dalam model I berbanding model II. Dalam model I nilai koefisien amil adalah 1.370 berbanding penerima zakat (0.537), manakala dalam model II, nilai koefisien amil adalah 0.496 berbanding penerima zakat (0.598). Hasil kajian ini jelas menunjukkan beberapa perkara: (1) berdasarkan nilai koefisien keseluruhan responden, model I dipilih kerana ia mempunyai nilai koefisien keseluruhan responden yang lebih besar berbanding model II. Ini menunjukkan pengaruh faktor institusi masjid mempunyai pengaruh besar ke atas faktor lokalisasi, yang bererti peranan faktor masjid lebih dominan dan lebih kuat berbanding faktor lokalisasi. Ini bererti

JADUAL 5. CFA Peringkat Pertama Terhadap Pembolehubah Lokalisasi

Kelompok Pembolehubah	Item	Muatan Faktor		
		1	2	3
Perhubungan dan transparansi (tiga item)				
	Segera selesaikan masalah	X ₁₀	.821	
	Mengenal pasti potensi ekonomi	X ₁₄	.730	
	Proses birokrasi dikurangkan	X ₁₇	.786	
Mudah dikenal pasti dan efisien (tiga item)				
	Pengagihan yang cekap	X ₁₁	.774	
	Mengalakkan ekonomi setempat	X ₁₂	.720	
	Pengagihan cepat	X ₁₅	.696	
Kepercayaan kepada sistem (tiga item)				
	Lebih mengenali asnaf	X ₁		.732
	Lebih dipercayai	X ₃		.826
	Tidak malu memohon	X ₄		.733
	χ^2/df	7.47*		
	Comparative fit index (CFI) ^a	.965		
	Bollen Relative fit index (RFI) ^b	.926		
	Koefisien Bentler Bonett (NFI) ^c	.960		
	Koefisien Tucker-Lewis (TLI) ^d	.935		
	Root Mean Square Error of approximation (RMSEA) ^e	.077		

Nota: ^a Nilai CFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala satu dimensi yang baik

^b Nilai RFI menghampiri 1 menunjukkan ketepatan padanan yang baik

^c Nilai NFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala kesahan menumpu yang baik

^d TLI analisis struktur momen. Nilai menghampiri 1 menunjukkan ketepatan padanan yang baik.

^e Nilai menghampiri 0.08 atau kurang untuk RMSEA menunjukkan kesesuaian anggaran ralat

* Signifikan pada aras keertian 1%

JADUAL 6. Korelasi dan Kovarians antara Peranan Masjid dan Lokalisasi

Responden	Korelasi	Kovarian
Amil	.825	.123* (.018)
Penerima zakat	.567	.119* (.013)
Keseluruhan	.599	.071* (.008)
χ^2 (df=12)	8.07*	
Comparative fit index (CFI) ^a	.975	
Bollen Relative fit index (RFI) ^b	.893	
Koefisien Bentler Bonett t (NFI) ^c	.971	
Koefisien Tucker-Lewis (TLI) ^d	.905	
Root Mean Square Error of approximation (RMSEA) ^e	.057	

Nota: () ralat piawai

^a Nilai CFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala satu dimensi yang baik

^b Nilai RFI menghampiri 1 menunjukkan ketepatan padanan yang baik

^c Nilai NFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala kesahan menumpu yang baik

^d TLI analisis struktur momen. Nilai menghampiri 1 menunjukkan ketepatan padanan yang baik.

^e Nilai menghampiri 0.08 atau kurang untuk RMSEA menunjukkan kesesuaian anggaran ralat

* Signifikan pada aras keertian 1%

JADUAL 7. Hasil Regresi

Responden	Koefisien ¹
Model I: Institusi → Lokalisasi	
Amil	1.370* (.436)
Penerima zakat	.537* (.055)
Semua responden	.633* (.063)
Model II: Lokalisasi → Institusi	
Amil	.496* (.063)
Penerima Zakat	.598* (.058)
Semua responden	.567* (.043)
χ^2/df	8.07*
Comparative fit index (CFI) ^a	.975
Bollen Relative fit index (RFI) ^b	.893
Koefisien Bentler Bonett (NFI) ^c	.971
Koefisien Tucker-Lewis (TLI) ^d	.905
Root Mean Square Error of approximation (RMSEA) ^e	.057

Nota: () ralat piawai ¹ nilai koefisien tidak terpiawai

^a Nilai CFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala satu dimensi yang baik

^b Nilai RFI menghampiri 1, yang menunjukkan ketepatan padanan yang baik

^c Nilai NFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala kesahan menumpu yang baik

^d TLI analisis struktur momen. Nilai menghampiri 1 menunjukkan ketepatan padanan yang baik.

^e Nilai menghampiri 0.08 atau kurang untuk RMSEA menunjukkan kesesuaian anggaran ralat

* Signifikan pada aras keertian 1%

bahawa untuk menjayakan cadangan lokalisasi pengagihan zakat, peranan institusi masjid perlu diperkukuhkan lagi kerana ini akan memastikan kejayaan pelaksanaan lokalisasi. (2) Model I juga menunjukkan pengaruh amil adalah dominan berbanding pengaruh penerima zakat, yang menunjukkan kecenderungan amil amat tinggi dalam menyokong peranan masjid berbanding penerima zakat. Ini bererti amil amat bersedia melaksanakan lokalisasi pengagihan zakat melalui pengukuhan peranan institusi masjid.

CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Masjid adalah institusi Islam yang amat penting sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga ke hari ini. Malah pada hari ini dan zaman ini, peranan institusi masjid perlu diperluaskan dan diperhebatkan lagi kerana begitu banyak masalah ekonomi, politik dan sosial yang berlaku dalam masyarakat pada masa ini sebahagiannya kerana masyarakat semakin jauh daripada masjid. Perlu diberi perhatian bahawa tegaknya *syi'ar* Islam adalah disebabkan fungsi masjid. Masjid, di samping berfungsi sebagai pusat kegiatan ibadah, juga adalah pusat kegiatan sosial dan ekonomi (Dwi Sari & Ahmad 2010). Allah S.W.T. telah berjanji bahawa mereka yang mengimarahkan masjid akan mendapat petunjuk dan kejayaan di dunia dan akhirat (At-Taubah:18), namun masyarakat Islam masih tidak begitu meyakinkannya. Sidi Gazalba (1976: 153-159) berpendapat bahawa masjid adalah pusat ibadah untuk melaksanakan sembahyang fardu, meningkatkan ibadah puasa, tempat i'tikaf, tempat paling sesuai untuk membaca al-Quran, malah juga tempat paling sesuai untuk membayar dan menerima zakat.

Kajian ini percaya bahawa masalah pengurusan zakat sepatutnya diselesaikan bermula di masjid sebagai institusi utama komuniti Islam, seiring dengan konsep lokalisasi pengurusan dan pentadbiran zakat. Ramai penerima zakat yang mengeluh mereka berasa amat sukar untuk membuat perjalanan yang jauh bagi memohon bantuan zakat; ini khususnya benar bagi terutamanya asnaf yang sudah uzur, dan mereka telah memberikan maklum balas yang kuat supaya amil mendekati mereka atau kedudukan institusi zakat perlu hampir dengan mereka. Walaupun agak sukar untuk dilaksanakan, namun sebenarnya langkah ini memberi peluang kepada pusat zakat mendekati asnaf secara langsung (sebagai pelanggan dalam sistem perkhidmatan zakat) dengan menjadikan masjid, atau sekurang-kurangnya surau, sebagai pejabat cawangan zakat. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan mereka datang ke masjid bukan sahaja memohon zakat, malah untuk mengagihkan zakat kepada asnaf sekiranya layak. Tambahan lagi, pihak pemungut zakat perlu memperbanyakkan program dan aktiviti bersama pihak masjid untuk menggalakkan asnaf khususnya dan masyarakat amnya supaya terus mengimarahkan masjid kerana kesannya yang amat besar kepada keimanan dan keislaman individu Muslim (At-Taubah:18). Konsep zakat adalah penyucian harta dan penyucian harta sepatutnya dilakukan

di masjid; selain itu, sebahagian besar masyarakat sebenarnya amat berminat untuk membayar zakat fitrah dan harta di masjid berbanding di pejabat baitulmal mahupun di pusat membeli-belah (Dwi Sari & Ahmad 2010: 16; Ekawaty 2010).

Peranan imam masjid perlu diperluaskan dan dimartabatkan lagi. Jika ditinjau sejarah sebelum kolonial, imam amat dihormati oleh masyarakat kerana beliau juga merupakan ustaz yang membimbing masyarakat dalam hal-ehwal ibadah seperti solat Jumaat, solat jenazah, nikah kahwin dan menguruskan zakat. Kajian ini berpendapat peranan imam boleh diteruskan disebabkan peribadinya yang mudah diterima oleh masyarakat setempat (Dwi Sari & Ahmad 2010). Jika sesetengah masjid, terutamanya masjid *jami'*, dapat dijadikan cawangan pusat zakat, imam boleh dilantik menjadi amil dengan gaji penuh, jawatan tetap dan profesional. Ini sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah tanggapan masyarakat bahawa amil yang dilantik adalah tidak profesional (Abdul-Wahab et al. 1995) Di Selangor, terutamanya di masjid *jami'*, jawatan imam pertama adalah jawatan lantikan oleh kerajaan negeri. Oleh itu, dicadangkan supaya jawatan imam kedua juga adalah jawatan lantikan yang memberi tumpuan kepada menguruskan hal-ehwal ekonomi, terutamanya zakat (di samping bergilir menjadi imam), manakala imam pertama hanya memberi tumpuan kepada hal-ehwal ibadat, terutamanya solat. Ini seiring dengan firman Allah S.W.T. dalam surah At-Taubah ayat 18. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan keyakinan masyarakat di lokaliti tertentu untuk membayar zakat fitrah dan harta. Ini juga akan meluaskan lagi peranan imam di lokaliti tertentu supaya terlibat dalam proses pengagihan zakat berbanding amalan kini yang kuasa meluluskan bantuan zakat dipusatkan di peringkat institusi zakat negeri. Ini boleh dilaksanakan secara terus tanpa melalui proses birokrasi kerana amil adalah orang tempatan dan juga imam. Ini akan memudahkan proses siasatan permohonan bantuan zakat kerana imam mengenali ahli masyarakat setempat secara rapat dan langsung. Ini akhirnya akan meningkatkan imej dan keyakinan pembayar dan penerima zakat terhadap pengurusan zakat oleh institusi zakat.

Melalui cadangan lokalisasi pengurusan zakat, pengimarahkan masjid oleh asnaf secara khusus dan masyarakat sekeliling secara umum di peringkat mukim mungkin boleh ditingkatkan melalui penglibatan amil secara aktif di peringkat mukim. Amil mukim dicadangkan supaya bukan sahaja berperanan mengutip zakat dan mengenal pasti potensi asnaf di kariah dan kampung masing-masing, malah lebih penting lagi mendekati asnaf dengan lebih dekat melalui program yang dicadangkan, tetapi kali ini di peringkat mukim atau kampung. Ini akan menggalakkan penerima zakat bukan sahaja pergi ke masjid untuk memohon atau menerima bantuan, malah dapat memastikan asnaf dapat dipantau dengan lebih dekat, malah lebih penting lagi aspek keagamaan dan sosial dapat dipertingkatkan kerana ia merupakan asas falsafah zakat itu sendiri. Nilai keagamaan yang berkait

dengan latar belakang pendidikan, budaya dan sebagainya di antara asnaf mungkin berbeza di antara kawasan, kampung atau negeri, dan ini memerlukan pengalaman amil mukim tersebut dalam menangani dan mengatasi isu yang berkaitan. Ini akan meningkatkan lagi kualiti pengagihan zakat yang bukan sahaja mengagihkan bantuan zakat malah mengadakan program keagamaan melalui dana zakat yang dikutip. Adalah diharapkan agar nilai keagamaan penerima zakat, terutamanya asnaf fakir dan miskin, terus meningkat.

KESIMPULAN

Peranan zakat mempunyai hubungan penting dengan konsep lokalisasi pengagihan zakat. Kajian ini mendapati bahawa pengaruh peranan institusi masjid terhadap lokalisasi pengagihan zakat adalah lebih dominan berbanding pengaruh lokalisasi terhadap peranan masjid. Ini menunjukkan peranan institusi masjid dalam sesebuah masyarakat perlu diperkukuhkan dan ini akan mempunyai kesan penting terhadap persetujuan pelaksanaan konsep lokalisasi. Persetujuan amil yang juga menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan signifikan berbanding asnaf juga bermaksud pihak amil sememangnya telah bersedia untuk melaksanakan konsep lokalisasi pengagihan zakat melalui institusi masjid. Namun begitu, batasan utama kajian ini ialah responden kajian menetap di beberapa negeri dan kajian perlu diperluaskan kepada negeri lain, terutamanya Sabah dan Sarawak. Kajian ini juga mencadangkan faktor nilai keagamaan seseorang perlu dimasukkan sebagai salah satu pembolehubah utama kerana ia mungkin mempunyai pengaruh signifikan terhadap peranan masjid.

RUJUKAN

- Abdul Latif, M.D. 1998. Zakat management and administration in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Abdul-Wahab, M., Syed Abdul Hamid, Mohd Azmi, O., Ghazali, A., Jamil, O. & Muhammad Arif. 1995. Malaysia: A Case study of Zakat Management. Dlm. *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, disunting oleh el-Ashker & Sirajul Haq, 297-378. Jeddah: IRTI/ IDB.
- Ahmad, S. & Wahid, H. 2005. Persepsi agihan zakat dan kesannya terhadap pembayaran zakat melalui institusi formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39: 53-69.
- Ahmad, S., Wahid, H. & Mohamad, A. 2006. Pensewaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13(2): 175-196.
- Ajeel, Abd Al Qader Dahi. 1995. Kuwait. Dlm. *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, disunting oleh el-Ashker & Sirajul Haq. Jeddah: IRTI/ IDB.
- Alatas, V., Pritchett, L. & Wetterberg, A. 2003. Voice lessons: Local government organizations, social organizations, and the quality of local governance. Policy Research Working Paper 2981. The World Bank. 2003.
- Bentler, P.M. & Bonett, D.G. 1980. Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological Bulletin* 88: 588-606.
- Bentler, P.M. 1990. Comparative fit indexes in structural models. *Psychological Bulletin* 107(2): 238-246
- Bentler, P.M. & Bonett, D.G. 1980. Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological Bulletin* 88: 588-606.
- Bollen, K.A. 1986. Sample size and Bentler and Bonett's non-normed fit index. *Psychometrika* 51: 375-377.
- Bonett, D.G. 2002. Sample size requirements for testing and estimating coefficient alpha. *Journal of Educational and Behavioral Statistics* 27(4): 335-340.
- Browne, M.W. & Cudeck, R. 1993. Alternative ways of assessing model fit. Dalam K.A. Bollen & J.S. Long, sunt. *Testing Structural Equation Models*. Newbury Park, CA: Sage.
- Bryne, B.M. 2001. *Structural Equation Modeling with AMOS: Basic Concepts, Applications and Programming*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Chapra, M.U. 1992. *Islam and the Economic Challenge*. Leicester, U.K.: The Islamic Foundation.
- Cronbach, L.J. 1951. Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika* 16(3): 297-334.
- Cronbach, L.J. & Meehl, P.E. 1955. Construct validity in psychological tests. *Psychological Bulletin* 52: 281-302.
- Crook, R. & Manor, J. 2000. Democratic decentralization. *OECD Working Paper Series* No. 11. Summer 2000. The World Bank Washington, D.C
- Dwi Sari, M. & Ahmad, M. 2010. Memperkasakan zakat: Dari pengumpulan terus ke pengagihan. The 4th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010): Zakat Transformation: From Subsistence To Productive. 2-22 Disember 2010. Anjuran Centre For Islamic Development Management Studies (ISDEV)
- Ekawaty, M. 2010. Memperkasakan pengurusan zakat di institusi: Isu dan cabaran. The 4th Isdev International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010): Zakat Transformation: From Subsistence to Productive. 21-22 Disember 2010. Anjuran Centre For Islamic Development Management Studies (ISDEV)
- Faguet, J.P. 2000. Decentralization and local government performance: Improving public services provision in Bolivia. *Revista de Economia del Rosario* 3(1).
- Faguet, J.P. 2004. Does decentralization increase government responsiveness to local needs? Evidence from Bolivia. *Journal of Public Economics* 88: 867-893.
- Ghazali, A. 1989. Fenomenon pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi: Satu analisis empirik. Dlm. *Zakat Ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, disunting oleh Mohd Ali Baharum. Kuala Lumpur: Dunia Press Sdn. Bhd.
- Hair, F.J., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E. & Tatham, R.L. 2006. *Multivariate Data Analysis*. 6th edition. United States: Prentice Hall.
- Hamka. 1984. *Tafsir Al-Azhar*. Juzuk X. Surabaya: H. Abdul Karim.
- Hankla, C.R. 2008. When is fiscal decentralization good for governance? *Publius: The Journal of Federalism* 1-19.
- Hu, L. & Bentler, P.M. 1999. Cut off criteria for fit indexes in covariance structure analysis: Conventional criteria versus new alternatives. *Structural Equation Modeling* 6(1): 1-55.

- Ismail, A.G. & Sanusi, N.A. 2006. Perluasan kewajipan berzakat, jaminan sosial dan desentralisasi fiskal. Dlm. *Zakat: Pensiaryatan, Perekonomian & Perundangan*, disunting oleh Hailani & Abdul Ghafar. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Kelantan.
- Kahf, M. 1995. Zakat: Unsolved issues in contemporary fiqh. Dlm. *Development and Finance in Islam*, disunting oleh Sadeq et al. Kuala Lumpur: Zafar Press Pte. Ltd.
- Kahf, M. 1999. The performance of the institution of zakat in Theory and practice. International conference on Islamic economics towards the 21st Century, Kuala Lumpur, April 26-30, 1999.
- Mannan, M.A. 1986. *Islamic Economics: Theory and Practice*. Cambridge : Hodder and Stroughton.
- Mohd Noor, M.A., Wahid, H. & Md Nor, N.G. 2004. Kesedaran membayar zakat pendapatan di kalangan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat* 26(2): 59-68.
- Mokhtar, S.A.M. 2003. *Peranan masjid dalam Islam*. Terj. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Muhamad, A. 2008. Perception of academicians toward zakat administration particularly zakat distribution: The case of Kelantan. IIUM. Tidak diterbitkan.
- Muhammad, A.A. 1993. *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nik Hassan, N.M. 1991. Zakat in Malaysia: Present and future status. Dlm. *Development and Finance in Islam*, disunting oleh Sadeq et al. Kuala Lumpur: Zafar Press Pte. Ltd.
- Oates, W. 1972. *Fiscal Federalism*. New York: Harcourt, Brace and Jovanovich.
- Pusat Pungutan Zakat-MAWIP. 2008. *Laporan Zakat 2008*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat-MAWIP.
- Qardawi, Y. 1996. *Hukum zakat - Studi Komparatif Mengenai Status dan Filasafat Zakat berdasarkan Quran dan Hadis*. Terj. Salman Harun et al. Indonesia: Penerbit Litera Antara Nusa.
- Salleh, M.S. 2006. Lokalisasi pengagihan zakat: Satu cadangan teoritis. Dlm. *Zakat: Pensiaryatan, Perekonomian & Perundangan*, disunting oleh Hailani & Abdul Ghafar. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schneider, A. 2003. Who gets what from whom? The impact of decentralization on tax capacity and pro-poor Policy. *IDS Working Paper 179*, Institute of Development Studies, France.
- Shah, A. & Thompson, T. 2004. Implementing decentralized local governance: A treacherous road with potholes, detours and road closures. World Bank Policy Research Working Paper 3353, Jun 2004.
- Sidi Gazalba. 1976. *Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Sirageldin, I. 2000. Elimination of poverty: Challenges and Islamic strategies. *Islamic Economic Studies* 8(1): 1-16.
- Tiebout. 1956. A pure theory of local expenditure. *Journal of Political Economy* 64: 416-424
- Treisman. 2007. Political decentralization and economic reform: A game theoretical analysis. *American Journal of Political Science* 43(2): 488-517.
- Tugrul, G. & Shah, A. 2002. Localization and corruption: Panacea or Pandora's box? Dlm. *Managing Fiscal Decentralization*, disunting oleh Ehtisham Ahmad, & Vito Tanzi. New York: Routledge.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Mohd Nor, M.A. 2004. Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 1(1): 151-166.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Mohd Nor, M.A. 2007. Kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat* 29: 53-70.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Abdul Kader, R. 2009. Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapakah masyarakat Islam tidak berpuas hati? *Jurnal Syariah* 17(1): 89-112.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Abdul Kader, R. 2010. Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 4(1): 141-170.
- Zayas F.G. 2003. *The Law and Institution of Zakat*. Terj. Kuala Lumpur: The Other Press.

Hairunnizam Wahid*

Sanep Ahmad

Pusat Pengajian Ekonomi

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Radiah Abdul Kader

Jabatan Ekonomi

Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran

Universiti Malaya

*Corresponding author; email: hairun@ukm.my

